

26 DEC 2002

Mahathir-Singapura (Bergambar)

BATU PUTEH: KITA TAK AKAN TEMPATKAN KAPAL PERANG, KATA PM

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak akan menempatkan pasukan tentera dan kapal perang di perairan Pulau Batu Puteh sebagaimana yang dilakukan oleh Singapura sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita nak elak daripada konfrontasi. Kita bukan nak berperang dengan orang... Bukan mengalah, kita cuma tak nak cari sebab untuk berperang," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN) Datuk Hishammuddin Tun Hussein semalam yang meminta kerajaan menimbang untuk menempatkan tentera dan kapal perang di perairan pulau tersebut atas rasional bahawa setiap tindakan awal pihak Singapura memerlukan tindakan balas setimpal oleh Malaysia.

Ketika ditanya apakah langkah yang bakal diambil Malaysia sekiranya Singapura enggan menandatangani persetujuan untuk membawa kes tuntutan Pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), Dr Mahathir berkata: "Bila sampai masa itu, kita fikirlah."

Singapura didakwa sengaja melengah-lengahkan proses membawa isu pertikaian pulau itu ke ICJ. Semalam, Perdana Menteri berkata Malaysia dan Singapura sudah bersetuju untuk membawa perkara itu ke ICJ sejak 1998 namun republik itu sehingga sekarang dikatakan belum menyediakan segala dokumen untuk dihantar ke mahkamah berkenaan.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai laporan Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri tentang kerenah birokrasi di pejabat-pejabat tanah negeri.

Dr Mahathir berkata kerajaan sudah memulakan usaha untuk mengenal pasti kelemahan yang menyebabkan kelewatan kelulusan geran tanah.

"Kita akan kaji, kita akan buat penyelidikan. Kita sudah memulakan usaha," katanya.

Menurut laporan biro itu, aduan terhadap pejabat tanah adalah yang kedua paling tinggi diterima daripada orang ramai terhadap agensi kerajaan.

Antara aduan yang sering diterima ialah mengenai kelewatan pejabat-pejabat itu meluluskan permohonan serta mengeluarkan geran tanah yang menimbulkan kemarahan orang ramai.

Ketika diminta mengulas mengenai kempen kutipan derma oleh pihak tertentu untuk membantu Sekolah Agama Rakyat (SAR), Dr Mahathir berkata sekiranya kutipan itu dilakukan di kalangan anggota parti berkenaan, kerajaan tidak berhak untuk campur tangan.

"Bagaimanapun sekiranya mereka kutip derma daripada orang ramai tanpa lesen, itu salah," katanya.

Semalam Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin mengingatkan orang ramai supaya tidak terpedaya dengan kempen itu kerana ia bersifat politik semata-mata.

Zainudin berkata kerajaan menghentikan bantuan kepada SAR kerana kerajaan bersimpati dengan masa depan yang tidak terjamin murid sekolah berkenaan.

-- BERNAMA  
RBZ MAM NMO